



SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA VOL. 5/ 2025

KDNK MALAYSIA

ST1 2025: **4.4%**

(ST4 2024: 4.9%)

Perkhidmatan



Pembuatan



Pertanian



Perlombongan & pengkuarian



Pembinaan



Pertumbuhan ST1 2025



Sumbangan ST1 2025

SEKTOR LUARAN



Eksport

ST1 2025: RM378.4b ▲ 4.4%
ST4 2024: RM392.9b ▲ 7.3%



Import

ST1 2025: RM337.3b ▲ 2.8%
ST4 2024: RM346.9b ▲ 5.3%

* Seperti yang diterbitkan bagi bulan rujukan

PENGELUARAN



Pengeluaran Buah Tandan Segar (Kelapa Sawit)

April 2025: 8,925,862 tan metrik ▲ 14.6%
Mac 2025: 7,309,776 tan metrik ▲ 2.0%



Pengeluaran Getah Asli

Mac 2025: 28,712 tan metrik ▲ 6.5%
Feb 2025: 36,005 tan metrik ▲ 21.3%



Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)

ST1 2025: ▲ 2.3%
ST4 2024: ▲ 3.4%



Nilai Jualan Sektor Pembuatan

ST1 2025: RM475.6 b ▲ 4.0%
ST4 2024: RM481.8 b ▲ 4.4%



Hasil Sektor Perkhidmatan

ST1 2025: RM630.0 b ▲ 6.0%
ST4 2024: RM627.9 b ▲ 6.2%

PASARAN BURUH



Bilangan Penduduk Bekerja

ST1 2025: 16.70 juta orang ▲ 3.0%
ST4 2024: 16.56 juta orang ▲ 1.3%



Kadar Pengangguran

ST1 2025: 3.1%
ST4 2024: 3.2%

HARGA



Indeks Harga Pengguna (IHP)

ST1 2025: ▲ 1.5%
ST4 2024: ▲ 1.8%



Indeks Harga Pengeluar (IHPR)

ST1 2025: ▼ -0.3%
ST4 2024: ▼ -0.8%

b: bilion
Perubahan Peratusan: Tahun ke Tahun

Sumber: Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia, Vol. 5/ 2025,
Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



Momentum Ekonomi Terus Kukuh pada Awal 2025 dengan Pertumbuhan KDNK 4.4 Peratus dan Kadar Inflasi yang Menyerderhana

- Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia berkembang sebanyak 4.4 peratus pada suku pertama 2025, menyederhana berbanding pertumbuhan 4.9 peratus yang dicatatkan pada suku tahun sebelumnya.
- Pengeluaran Getah Asli (NR) meningkat sebanyak 6.5 peratus tahun ke tahun pada Mac 2025, mencecah 28,712 tan (Mac 2024: 26,966 tan). Sementara itu, pengeluaran Buah tandan segar pada April 2025 mencatatkan peningkatan 14.6 peratus tahun ke tahun, bertambah kepada 8,925,862 tan berbanding 7,789,749 tan pada April 2024.
- Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) Malaysia mencatatkan pertumbuhan lebih perlahan 2.3 peratus (ST4 2024: 3.4%), disokong terutamanya oleh pengembangan 4.2 peratus dalam sektor Pembuatan. Sementara itu, nilai jualan sektor Pembuatan adalah sebanyak RM475.6 bilion, meningkat 4.0 peratus pada ST1 2025 (ST4 2024: 4.4%).
- Sektor Perkhidmatan Malaysia mencatatkan hasil berjumlah RM630.0 bilion pada ST1 2025, menunjukkan peningkatan 6.0 peratus tahun ke tahun (ST4 2024: 6.2%). Segmen Perdagangan Borong dan Runcit, Makanan dan Minuman, serta Penginapan kekal sebagai pemacu utama, menyumbang hasil sebanyak RM475.7 bilion dan peningkatan 4.7 peratus dalam Indeks Volum kepada 157.2 mata.
- Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan terus menurun 0.3 peratus pada suku tahun pertama 2025, berbanding penurunan 0.8 peratus pada ST4 2024. IHPR Malaysia merosot 1.9 peratus pada Mac 2025, daripada 0.3 peratus pada Februari 2025.
- Jumlah dagangan Malaysia bagi ST1 2025 meningkat 3.6 peratus, sejajar dengan pertumbuhan dalam kedua-dua eksport 4.4 peratus dan import 2.8 peratus. Sehubungan itu, lebihan perdagangan meningkat 20.1 peratus tahun ke tahun, mencecah RM41.0 bilion.
- Data tenaga buruh bagi suku pertama tahun 2025 menunjukkan peningkatan tahunan sebanyak 3.0 peratus dalam bilangan penduduk bekerja kepada 16.7 juta orang. Nisbah guna tenaga kepada populasi, yang mengukur keupayaan ekonomi dalam mewujudkan pekerjaan, mencatatkan 68.6 peratus berbanding 68.2 peratus pada suku pertama 2024. Sehubungan itu, kadar pengangguran menurun sebanyak 0.2 mata peratus kepada 3.1 peratus.

